

18 JUN 2003

SARS-Tamat/I

PERSIDANGAN SARS CAPAI KEJAYAAN BESAR - KETUA PENGARAH WHO

PETALING JAYA, 18 Jun (Bernama) -- Persidangan Global Mengenai Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS) anjuran Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang berakhir di sini, hari ini, telah mencapai kejayaan besar, kata ketua pengarah badan dunia itu, Dr Gro Harlem Brundtland.

"Persidangan ini, seperti yang saya maklumkan kepada Perdana Menteri Malaysia (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad), telah mencapai kejayaan besar. Saya gembira dengan perbincangan yang saya ikuti dan kini, kita mempelajari lebih banyak perkara tentang penyakit ini berbanding sebelumnya," kata beliau dalam ucapan pada akhir persidangan itu.

Brundtland dan Pengarah Eksekutif WHO Dr David Heymann, yang diiringi Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng, mengunjungi Dr Mahathir di pejabat beliau di Putrajaya, tengah hari tadi.

Walaupun persidangan dua hari, yang bermula di Sunway Lagoon Resort Hotel semalam, tidak mengemukakan sebarang bukti muktamad mengenai punca SARS namun ia membuka mata banyak pihak tentang bahaya wabak itu dan membolehkan para pakar berkongsi idea dan pengalaman tentang cara-cara untuk menangani dan membendung penyakit yang boleh membawa maut itu.

Wabak SARS dipercayai bermula di Guangdong, China pada November lepas sebelum merebak dengan pantas ke seluruh dunia serta meragut hampir 800 nyawa dan menjangkiti kira-kira 9,000 orang.

"Kini, kita dapat melihat dengan lebih jelas (selepas persidangan ini). Saban hari, kebanyakan kita begitu sibuk dengan urusan untuk membasmi penyakit itu sehingga tidak mempunyai masa untuk berfikir. Persidangan ini memberikan kita masa itu...untuk mengenang kembali apa yang telah kita capai dan apa yang perlu dilakukan untuk masa akan datang," katanya.

Brundtland berkata persidangan yang julung kali diadakan itu merupakan satu platform yang amat diperlukan oleh pakar penjagaan kesihatan untuk berkongsi pengalaman serta kepakaran bukan sahaja mengenai SARS tetapi juga mengenai penyakit lain yang mungkin muncul pada masa akan datang.

Beliau berkata kakitangan perubatan perlu lebih bersedia untuk menangani penyakit baru dengan cara yang lebih berkesan, cekap dan pantas bagi menyelamatkan nyawa.

Menurutnya mereka kini lebih bersedia untuk menghadapi cabaran baru berbanding beberapa bulan lepas.

Sementara itu, Chua berkata Malaysia bangga kerana diberi peluang menjadi tuan rumah persidangan global itu.

"Kami gembira dengan kehadiran para peserta dan seperti yang dikatakan oleh Perdana Menteri (Dr Mahathir), lebih banyak mikrob akan muncul dan kita perlu lebih bersedia untuk menghadapinya.

"Apa yang kita lakukan hari ini merupakan bakti yang amat besar kepada manusia dan bagi pihak kerajaan Malaysia, saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih kami kepada semua pihak yang telah menjayakan persidangan ini," kata Chua.

-- BERNAMA

SR AHH SP NAK